

**Company Name** : Ni Hsin Group berhad  
**Date** : 23 November 2022  
**Source** : Berita Harian

## Ni Hsin perkenal 2 model motosikal elektrik

**Ni Hsin EVTech Sdn Bhd** (NH EV Tech), anak syarikat milik penuh Ni Hsin Group Bhd melancarkan dua model motosikal elektrik (EV), EV Tailg Ebixon ke pasaran tempatan.

Dua model berkenaan yang dipasang di kemudahan pembuatan NH EV Tech di Seri Kembangan, Selangor itu hadir dengan pilihan Tailg Ebixon Bold dan Tailg Ebixon Torq, masing-masing untuk kategori kegunaan persendirian dan komersial.

Pengarah Urusan NH EV Tech, Khoo Chee Kong, berkata pelancaran motosikal EV itu menandakan kejayaan dan pencetus perubahan kepada syarikat selepas lebih dua tahun bekerja keras bermula daripada konseptualisasi, penyelidikan dan pembangunan (R&D), percubaan dan kesilapan, serta kerjasama rapat dengan rakan kongsi, Dongguan Tailing Motor Vehicle Co Ltd.

"Motosikal pertama yang kami uji ialah motosikal enjin pembakaran dalaman (ICE) yang tidak cekap kerana ia membebangkan dan mahal dan kami mahukan kendaraan yang mesra alam. Selepas beberapa siri percubaan



dan pengalaman, motosikal elektrik yang bersih dan mempunyai pelepasan asap sifar berjaya dibangunkan, sebagai Blackbixon Coffee Bike tahun lalu.

"Kami menyedari bahawa terdapat pasaran untuk mesin yang dibina khas ini. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan lonjakan dalam e-dagang dan oleh itu permintaan terhadap perkhidma-

tan penghantaran.

"Motosikal pilihan popular untuk masa penghantaran yang lebih cepat dan penyelenggaraan yang rendah. Memandangkan pemanasan global, motosikal EV masuk akal kerana ia cekap tenaga dan lebih murah untuk diselenggara," katanya dalam satu kenyataan.

Chee Kong berkata, banyak pe-

luang untuk penggunaan EV, dengan kerajaan menyediakan insentif dalam bentuk pelepasan cukai untuk pemasangan atau pembuatan EV, bahagian komponen dan pembangunan ekosistem seperti kemudahan pengecasan.

Kerajaan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) juga dijangka menerima pakai penggunaan EV. Selain itu, pasaran skuter elektrik dan motosikal global dianggarkan berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (CAGR) 10.2 peratus kepada AS\$93.9 billion (RM429.54 billion) menjelang 2031 daripada AS\$35.3 billion (RM161.48 billion) pada 2021.

"Sasaran kami menjual 15,000 unit motosikal EV Tailg Ebixon setahun dalam tempoh tiga tahun akan datang meliputi rantau Asia Pasifik. Kami sedang berunding dengan beberapa organisasi, GLC, agensi kerajaan dan peniaga untuk mempromosikan, memasarkan serta mengedarkan motosikal EV di rantau ini.

"Model perniagaan kami merangkumi modul jualan langsung dan sewa milik kepada perniagaan serta pengguna," katanya.